



# **Biografi Penulis Sabah**

Penyelenggara  
**HAMZAH HAMDANI**  
**JAPAR HAJI UNGKI**  
**MELAN BUJANG**  
**JENNITAH NOORDIN**



# **Biografi Penulis Sabah**

**Penyelenggara  
HAMZAH HAMDANI  
JAPAR HAJI UNGKI  
MELAN BUJANG  
JENNITAH NOORDIN**

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
CAWANGAN SABAH  
2004**

Penerbitan *Biografi Penulis Sabah* ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan diterbitkan sempena Perkampungan Sasterawan 2004.

KK 928-10659 5101  
Cetakan Pertama 2004  
© Penyelenggara

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Biografi Penulis Sabah / penyelenggara Hamzah Hamdani, Japar Haji Ungki, Melan Bujang, Jennitah Noordin.

ISBN 983-62-8488-5

I. Authors, Malay-Sabah-Biographhy. I. Hamzah Hamdani  
II. Japar Haji Ungki. III. Melan Bujang. IV. Jennitah Noordin.  
928.99230959521.

*Editor*

Japar Haji Ungki  
Jennitah Noordin

*Dicetak oleh*  
**Seribu Jasa Sdn. Bhd.**  
Kota Kinabalu, Sabah  
Tel.: 088-420210/420214  
Faks.: 088-432455

## KANDUNGAN

Pengantar VIII

Penghargaan IX

1. A.B.M. Fajeer 1
2. A.Bolly Asmara 2
3. A. Karim Kadir 3
4. Abd. Latiff Haji Saprin 4
5. Abd. Naddin Haji Shaiddin 5
6. Abdul Rahim Tapah 6
7. Ag. Thomas Haji Atahi 7
8. Ahmadony 8
9. Ailin Nor 9
10. Al-Azzharri Siddiq Haji Kamundri 10
11. Ali Karim 11
12. Alipah Jn 12
13. Alkisah Bidin 13
14. Amelly Ann Kising 14
15. Amil Jaya 15
16. Aminah Awang Basar 17
17. Ammi Manja 18
18. Ariaah Judah 19
19. Asitor 20
20. Asmady Kelana 21
21. Asmiah Haji Ajamain 22
22. Asmiaty Amat 23
23. Asmuin Satri 24
24. Awangku Alissia Pengiran Talip 25
25. Aydolil Rauf 26
26. Azmah Nordin 27
27. Basrih Haji Osman 28
28. Brahim Abdul Samad 29
29. Chacho Haji Bullah 30
30. Chin Fook On @ Robert 31
31. Dahli Mohd. Elias 32
32. Daniel Jebon Janaun 33
33. Datu Bandira Datu Alang 34
34. Dayang Salma Salam 35
35. Dulamid Rudin 36
36. Dzulkifli Abd. Hamid 37
37. Elwan bin Truman 38
38. Emin Madi 39
39. Halik Zaman 40
40. Hamidah Kassam 41
41. Harun Haji Salleh 42
42. Hashim bin Ibrahim 43
43. Hassan Haji Saprin 44
44. Hassan Jaidin 45
45. Hasyuda Abadi 46

46. Hussin Kasau 47  
47. Ismaily Bongsu 48  
48. Jaafar Abdul Wahid 49  
49. Jair Sulai 50  
50. Jalidar Abd. Rahim 51  
51. Jaliha Jaman 52  
52. Jamdin Buyong 53  
53. Jamil Truman @ Jamil Bahar 54  
54. Janathan Kandok 55  
55. Japar Haji Ungki 56  
56. Jariah Taha 57  
57. Jasni Matlani 58  
58. Jasni Yakub 59  
59. Jessy Mojuru 60  
60. Julia Unggai 61  
61. Juri Durabi 62  
62. Jusang Bolong 63  
63. K. Bali 64  
64. Kasima Salinri 66  
65. Kathirina Tati 67  
66. Kembara Muda 68  
67. Kisnawati 69  
68. Laliman Ahmad 70  
69. M.A.Nast 71  
70. M.A.Rahman 72  
71. M.Y.Anas 73  
72. Mabulmaddin Haji Shaiddin 74  
73. Mad Sakiran Haji Sulaiman 75  
74. Madah Aryani 76  
75. Mahmud Eddie 77  
76. Mahmud Jahar 78  
77. Makuji Maturon 79  
78. Mariam Omar 80  
79. Marmoh Kasman 81  
80. Masrani Madun 82  
81. Matlin Dullah 83  
82. Melan Bujang 84  
83. Mohamed Yussof Pandak 85  
84. Mohammad Hadie Nor D 86  
85. Mohd. Ariffin Mohd. Ariff 87  
86. Mohd. Azone Sarabatin 88  
87. Mohd. Ejin Dinting @ Christopher 89  
88. Mohd. Jadean Daham 90  
89. Mohd. Shukri Majalin 91  
90. Mohd. Zain A.H. 92  
91. Monosari 93  
92. Muhsarsafa Kirana bin Bacho Mohamad 94  
93. Murni S 95  
94. Murshidi Nambi 96  
95. Nadin Haji Salleh 97

96. Nandra Hitong 98
97. Nelawati Ngadul 99
98. Noraini Osman @ Norainie Othman 100
99. Norawi Haji Kata 101
100. Nunhati bin Malizaman 102
101. Obasiah Haji Usman 103
102. Ony Latifah Osman 104
103. Osman Nasroh 105
104. Osman Mahali 106
105. Pena Ahad 107
106. Pengembara 108
107. Putera Abadi 109
108. R. Hamzah Dua 110
109. R.M. Jasni 111
110. Radin A. Othman 112
111. Rafidah Matasan 113
112. Ramlee Awang Murshid 114
113. Ramlie A.R. 115
114. Raya @ Suraya Erom 116
115. Raymond Majumah 117
116. Richard P. Intuwong 118
117. Rosnah Radin 119
118. Roza 120
119. Rubiah Dullah 121
120. Rubiah Nordin 122
121. S. Mala 123
122. Saffie Haji Mukeri 124
123. Sahara Jais 125
124. Sanusi Ondu 126
125. Saik Dalwis 127
126. Sairah Haji Antin 128
127. Sasjira 129
128. Seri Nanti 130
129. Shaama Erda 131
130. Siba Nita AS 132
131. Sibin Munchong 133
132. Sitti Aidah Haji Lokin 134
133. Sitti Hadiah Haji Abdul Mutalib 135
134. Sitti Rahmah G. Ibrahim 136
135. Soibil Madun 137
136. Suhaini S 138
137. Surya Irawan 139
138. Suzita Janaun 140
139. Welin Ebai 141
140. Witer Gunik 142
141. Yatim Taubatal Andam 143
142. Zahati 144
143. Zaiton Ajamain 145
144. Zeick 146

## Pengantar



aya mengucap syukur kerana dengan taufik-Nya penerbitan Biografi Penulis Sabah buat julung kalinya dapat kita terbitkan pada tahun ini bersempena dengan Perkampungan Sasterawan yang bermula pada 23-25 Ogos 2004 ini.

Sebenarnya projek pengumpulan biografi para penulis Sabah telah dimulakan sejak tahun 1994 lagi. Dari tarikh itu, para pegawai di Unit Sastera telah berusaha untuk mengumpul seramai mungkin para penulis, penyair, seniman dan karyawan di negeri ini. Sebagai langkah awal, biografi para penulis ini telah diterbitkan setiap minggu di dalam akhbar *Borneo Mail* dan selepas itu diterbitkan pula di dalam akhbar *Borneo Post*. Dalam jangka masa 10 tahun itu para pegawai di DBP Cawangan Sabah telah mengemas kini serta mengumpul maklumat para penulis Sabah ini. Namun pelbagai rintangan juga terpaksa dihadapi oleh para pegawai yang mengendalikan projek ini. Misalnya usaha untuk mendapatkan maklumat beberapa orang penulis veteran masih belum diperoleh, walaupun ada sebahagian biodata masih tersimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, DBP Cawangan Sabah. Tetapi kesukaran yang jelas ialah masih ramai lagi gambar penulis yang tidak diperoleh serta ketiadaan maklumat terkini para penulis tersebut dalam simpanan DBP Cawangan Sabah.

Kami mengakui bahawa tidak semua biografi penulis di negeri ini yang dapat kami kumpulkan dan senaraikan di dalam buku biografi terbitan pada kali. Kami memohon maaf kepada penulis yang biografi mereka tidak dapat kami terbitkan pada keluaran ini atas sebab-sebab yang tidak dapat kami elakkan. Namun DBP Cawangan Sabah akan sentiasa berusaha agar pada penerbitan akan datang lebih banyak biografi penulis terutama para penulis muda akan diterbitkan. Dalam kesempatan ini saya tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pegawai DBP Cawangan Sabah iaitu Puan Hajah Jamilah Haji Ahmad, Puan Sitti Hadiah Haji Abd. Mutualib, Encik Rusdi Awang, Puan Kasima Salinri, Puan Wok Yamsiah Mohd. Zain dan pegawai serta kakitangan DBP Cawangan Sabah yang lain yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan projek ini. Penghargaan yang sama saya panjangkan kepada Encik Japar Haji Ungki, Encik Melan Bujang dan Puan Jennitah Noordin yang menjadi penyelenggara buku ini. Mudah-mudahan penerbitan Biografi Penulis Sabah ini dapat dimanfaatkan oleh para pengkaji, peminat sastera, pelajar institusi pengajian tinggi dan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan rujukan tentang penulis Sabah. Penerbitan biografi ini juga memudahkan orang ramai mengenali lebih dekat para penulis Sabah yang ramai bilangannya. DBP Cawangan Sabah akan sentiasa berusaha meneruskan projek seumpama ini yang sememangnya mendatangkan kebaikan dan kandungannya dapat kita manfaatkan bersama-sama.

Sekian, terima kasih.

**HAMZAH HAMDANI**  
Pengarah,  
DBP Cawangan Sabah.

# Penghargaan

## PENYELENGGARA


**Hamzah Hamdani  
Japar Haji Ungki  
Melan Bujang  
Jennitah Noordin**

## PEGAWAI PENYELIDIK

**Hajah Jamilah Haji Ahmad  
Sitti Hadiah Haji Abd. Mutalib  
Rusdi Awang  
Kasima Salinri  
Norjanah Yusof  
Wok Yamsiah Mohd. Zain**

## PARA PEMBANTU

**Raini Ichin  
Zainab Haji Ariffin  
Noraini Dingle  
Rasyidah Mohd. Adnan  
Jaidah Haji Jawab  
Debbie Benjamin  
Salmiah Ismail  
Hajah Sitti Mariam Haji Ibrahim  
Logiman Juakim Gamad  
Nilah Ag. Ahmad  
Azmi Kadim  
Rozaini Chin  
Dg. Zabaidah Jamaludin**



## A.B.M. FAJEER (Mohamed Fajeer Awang Besar)

**A.B.M. FAJEER** atau nama sebenar Mohamed Fajeer Awang Besar dilahirkan di Sri Lanka pada 30 Disember 1952. Beliau mendapat pendidikan awal di SRK Berhala Darat dan Sekolah Menengah Sung Siew, Sandakan. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Maktab Sabah, Kota Kinabalu.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pegawai Eksekutif di Lembaga Bandaran Sandakan (sekarang Majlis Perbandaran Sandakan) pada tahun 1972. Selepas itu beliau ditugaskan di Lembaga Bandaran Tawau (1974-1976) sebagai Pegawai Eksekutif. Beliau kemudiannya bertugas di North Borneo Timbers, sebuah syarikat swasta sebelum bertugas semula di Lembaga Bandaran Sandakan. Kini beliau bertugas sebagai Timbalan Presiden (I), Majlis Perbandaran Sandakan setelah memegang jawatan Setiausaha Majlis Perbandaran Sandakan sejak diwujudkan pada tahun 1982.

Beliau mula menghasilkan karya sastera semasa di sekolah menengah, hasil daripada minat dan pengaruh abang beliau iaitu Mohd. Sabar (Misba Ab). Puisi pertama beliau bertajuk *Ilham* tersiar di dalam akhbar *Kinabalu Sabah Times* pada 2 November 1968. Selain itu beliau juga menulis cerpen, rencana, kertas kerja dan skrip drama radio.

Puisi-puisi beliau sering tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan dan terdapat juga di dalam antologi puisi seperti *Gema Lembah Kinabalu, Nyanyi dari Desa, Siapakah Antara Kita* (1988), *Sewaktu Bertemu* (1986), *Rinduku Sebuah Nusa* (1995), *Tasbih Hayat* (2001) dan *Kita Kata Kota* (2004). Cerpen-cerpen beliau juga sering tersiar dalam radio dan akhbar dalam tahun 1970-an.

A.B.M. Fajeer juga aktif dalam kegiatan berpersatuan. Pada tahun 1972, beliau menjadi Penolong Setiausaha, Badan Bahasa Sabah (BAHASA) Cawangan Sandakan selain menjadi Pengurus Jawatankuasa Kecil Sastera.

Beliau juga bertanggungjawab menubuhkan Persatuan Seni Tawau (PESTA) dalam tahun 1977. Sekembali beliau ke Sandakan dalam tahun 1979, beliau telah menubuhkan Warna-Warni Seni Sandakan (WARISAN).

Apabila Hadiah Sastera Sabah diperkenalkan oleh Badan Bahasa Sabah (BAHASA) pada tahun 1973 bagi karya-karya sepanjang tahun 1972, A.B.M. Fajeer merupakan salah seorang pemenang dalam kategori puisi.

Atas sumbangan beliau sebagai aktivis sastera di Sandakan, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah telah menganugerahi beliau Tokoh Sastera Sandakan Dekad 80-an pada tahun 1991 sempena Perayaan Dasawarsa WARISAN. Beliau juga Penerima Anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah Ke-11 bagi tahun 2004M/1425H.

## A. BOLLY ASMARA

(Suhaibul Ahmad)

**SUHAIBUL AHMAD** (Allahyarham) lebih dikenali sebagai A. Bolly Asmara dilahirkan di Kampung Takis, Papar pada 1 Ogos 1938. Beliau mendapat pendidikan awalnya di Government Primary School (G.P.S.) Papar selama lima tahun. Beliau kemudiannya meneruskan pelajarannya di Kent Teacher's Training College (K.T.T.C.) Tuaran selama dua tahun (1959-1960).

Pada 5 April 1966, A. Bolly Asmara mengikuti kursus bahasa di Maktab Perguruan Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Setahun kemudian beliau mengikuti kursus bakal pensyarah di Maktab Perguruan Kent, Tuaran, Sabah. Pada 1 Januari 1985, A. Bolly Asmara telah dipindahkan bertugas di Bahagian Perjawatan di Ibu Pejabat Jabatan Pendidikan Sabah di Kota Kinabalu, Sabah.

A. Bolly Asmara merupakan seorang pelopor dalam bidang puisi. Mula menulis pada tahun 1954 bersama-sama rakan seangkatan beliau seperti K. Bali, Shuaibun Yussuf, Seri Nanti, Rajuna Keningau, Ahmadony dan lain-lain telah memeriahkan ruangan sastera khususnya genre puisi di dalam pelbagai akhbar yang terbit ketika itu. Lebih kurang 200 buah puisinya telah disiarkan di dalam akhbar *Sabah Times*, *Kinabalu Sabah Times* dan *Daily Express*.

Antologi puisi perseorangan beliau yang bertajuk *Riak Merah* diterbitkan oleh DBP Cawangan Sabah. Sajak-sajak yang beliau cipta banyak berkisar tentang kehidupan, kemanusiaan, ketuhanan dan pendidikan. Beliau juga peka tentang alam semula jadi. Karya-karya A. Bolly Asmara turut dimuatkan di dalam antologi puisi *Gema Teluk Kimanis* yang diterbitkan pada tahun 1975.

Apa yang jelas karya-karya beliau menggambarkan pandangan, perasaan dan

luahan rasanya terhadap keadaan semasa yang berlaku pada waktu itu. Selain puisi, A. Bolly Asmara juga bergiat dalam penulisan cerpen. Seperti dalam bidang puisi, cerpen-cerpen beliau juga berkisar tentang persoalan kehidupan, kemanusiaan dan sebagainya. Namun begitu, A. Bolly Asmara tidak begitu menonjol dalam bidang cerpen.

A. Bolly Asmara meninggal dunia pada 27 Julai 1985 ketika berumur 44 tahun. Sebagai pelopor kepada perkembangan puisi di Sabah, sumbangan beliau sudah pasti akan dikenang dan dengan terbitnya antologi solo beliau bertajuk *Riak Merah*, yang akan menjadi bukti tentang sumbangan dan jasanya terhadap perkembangan puisi di Sabah.



**A. KARIM KADIR**  
(Awang Karim Abdul Kadir)

**AWANG KARIM ABDUL KADIR** atau lebih dikenali dengan nama A. Karim Abdul Kadir dilahirkan pada 4 Februari 1964, di Kampung Jambongan, Sandakan. Beliau mendapat pendidikan awal dan menengah di daerah Kudat hingga lulus SPM. Beliau pernah bertugas sebagai guru dan kerani pos. Bertugas di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia Wilayah Sabah sebagai Penolong Pegawai Kebudayaan dan kini bergiat dalam perniagaan dan politik.

Beliau mula meminati genre puisi apabila berdamping dengan sahabat-sahabat beliau iaitu Soibil Madun dan Mohd. Zain Assoh. Karya-karya beliau termuat di dalam akhbar seperti *Sabah Times*, *Daily Express*, *Dewan Sastera* dan *Majalah Mestika*. Puisi dan cerpen beliau termuat di dalam antologi *Serindit Pagi*, *Luka Bosnia*, *Perkasihan Musim*, *Kiswah Rindu* dan *Gema Membela Gema* (1993). Manakala cerpen beliau termuat di dalam antologi *Bintang di Langit Lain*, *Bagai Camar di Lautan*, *Fenomena*,

*Pengabdian dan Antara Dua Hati*. Beliau juga telah menghasilkan sebuah novel berunsur sejarah berjudul *Jejak Gerila* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain terlibat dalam bidang penulisan kreatif, beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam bidang teater, khususnya di Sabah. Beliau mula terlibat dalam bidang teater pada awal tahun 1979 di bawah bimbingan Saudara Jamil Arif bersama-sama grup teater *Suara ke-3* di Kudat.

Pada tahun 1985, beliau telah menubuhkan kumpulan teater iaitu Teater Generasi Baru (TERAJU). Pada tahun tersebut juga beliau telah menulis, mengarah, berlakon dalam karya pertama beliau bertajuk *Puteri Laut*.

Antara drama arahan beliau antara tahun 1985-1992 ialah *Bos*, *Persidangan Rama-rama* dan *Puteri Nabahu* yang merupakan karya beliau di samping drama *Malam ke-100* dan *Bukan Bunuh Diri*. Drama terakhir yang beliau terlibat ialah *Korporat* karya dan arahan Hatta Azad Khan yang dipentaskan di Matic, Kuala Lumpur. Selain itu beliau pernah mengarahkan drama *Paduka* dan *Bumiku Oh! Bumiku*.

Beliau pernah memimpin Kumpulan Teater Generasi Baru (TERAJU), Ketua Satu Kumpulan Seniman-seniman Utara Ke-3 (Suara Ke-3) dan sekarang sebagai Ketua Penerangan, Badan Bahasa Sabah (BAHASA).

Cerpen beliau *Binatang 14 Lalavang* pernah memenangi dua hadiah iaitu Hadiah Cerpen Maybank/DBP dan Hadiah Sastera Sabah 1992/1993. Beliau juga pernah menjadi Penulis Anak Angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada tahun 1989 dalam genre drama, di bawah bimbingan Saudara Othman Zainuddin.



## ABD. LATIFF HAJI SAPRIN

**ABD. LATIFF HAJI SAPRIN** dilahirkan pada 12 Oktober 1953, di Kampung Kerukan Kuala Penyu. Memulakan persekolahan di SRK Kerukan, SRK Pekan Labuan dan kemudian bersekolah di SMK St. Peter, Bundu Kuala Penyu. Beliau kemudian mengikuti kursus sebagai pembantu perubatan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan kemudian berkhidmat di Hospital Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan Kota Kinabalu sebelum bersara pilihan selepas berkhidmat selama 16 tahun dalam perkhidmatan kerajaan.

Mula menulis karya kreatif pada tahun 1972 dalam genre cerpen, puisi dan menulis berita semasa di dalam akhbar *Sabah Times*, *Daily Express* dan *Sinar USIA*. Artikelnya bertajuk *Sana Sini di Kuala Penyu*, merupakan hasil tulisannya yang pertama tersiar di dalam akhbar *Sabah Times*. Beliau merupakan Pengurus Gabungan Penulis Sabah (GAPURA) daerah Kuala Penyu. Sering menggunakan nama pena Lahuma dalam berkarya.

Selain menulis dan berkarya beliau juga aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan dan kegiatan politik. Pernah menjadi Ketua Bahagian Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) Kuala Penyu (1980-1988), Ahli Majlis Tertinggi USIA dan Setiausaha Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) Bahagian Kuala Penyu. Kini beliau menetap di Kota Kinabalu dan menjalankan perniagaan.